

RANCANGAN PERNIAGAAN

ASAS KEUSAHAWANAN

etr 300



smart access technology

DISEDIAKAN UNTUK:

Khairul Anwar Subari

DISEDIAKAN OLEH:

**Ibni Bakri Abu Bakar
(95509206)**

**Mohd Azwanizam Abd Wahab
(97110175)**

**Mazlina Mohd Zain
(96524774)**

**Noor Azura Alias
(97209097)**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (CAWANGAN PERLIS)

Pengenalan Kepada RP

Setelah setahun menamatkan pengajian di ITM Perlis dalam bidang Pengurusan Perniagaan Ibni Bakri masih memikirkan pendapatannya yang tidak menentu akibat dari kegawatan ekonomi sekarang. Ketidakpuasan hati dengan pekerjaan yang dilakukan sekarang telah mendorong beliau untuk memikirkan cara lain bagi memperbaiki taraf hidupnya. Helaian suratkhbar yang terpapar di depannya sedikit demi sedikit terselak akibat daripada tiupan kipas angin yang berada di sisi beliau. Tiba-tiba mata beliau tertumpu pada satu artikel berkenaan pembukaan dan perasmian sebuah syarikat pengeluar “Kad Pintar”. Lebih menarik perhatian beliau ialah berkenaan satu kenyataan di dalam artikel berkenaan yang menyatakan syarikat tersebut sedang memilih dan mencari pengedar bagi memasarkan produk mereka. Terdetik di hati Bakri untuk beliau mencuba nasib membuat permohonan menjadi pengedar rasmi produk yang baru dilancarkan itu.

Tetapi bagaimana? Adakah mampu beliau melakukannya sendiri andai kata jika permohonan beliau itu diterima ? Wajah rakan-rakan sekelas semasa di ITM Perlis menjelma di benak fikiran Bakri. Rakan-rakan yang sentiasa mengulangkaji dan bergurau bersama seperti Azwanizam, Mazlina, Azura yang sedang bertungkus lumus bekerja makan gaji dengan syarikat swasta seperti beliau mengetuk fikirannya. Azwanizam yang bekerja di Setapak sebagai Penolong Pengurus Pemasaran, Mazlina yang khabarnya sedang bertugas sebagai setiausaha khas syarikat dan Azura yang masih mencari pekerjaan, telah memberi ilham pada Bakri untuk menggabungkan tenaga-tenaga ini bagi membina sebuah syarikat perkongsian.

Dengan berbekalkan pengalaman yang ada, Bakri telah membuat satu surat permohonan kepada Syarikat Multi Millenium Card untuk menjadi pengedar rasmi produk yang dihasilkan oleh syarikat tersebut (Smart Card). Permohonan ini dibuat oleh beliau setelah mendapat persetujuan daripada rakan-rakannya (Azwanizam, Mazlina dan Azura) setelah usaha beliau selama dua minggu untuk menghubungi mereka dan berbincang mengenai ideanya bagi menubuhkan syarikat perkongsian bersama berjaya.

Dalam permohonan tersebut beliau telah menyatakan kepada Syarikat Multi Millenium Card bahawa beliau dan rakan-rakannya telah bersetuju menubuhkan Syarikat Perkongsian bersama dengan memberi nama syarikat mereka “ Smart Access Technology”. Di dalam surat itu juga ada dinyatakan mengenai modal berbayar dan jumlah modal dibenarkan yang telah dipersetujui oleh mereka. Bangunan pejabat dan stor tempat menyimpan stok produk yang dicadangkan oleh beliau ialah di kawasan Perniagaan dan Perhentian Bas dan Teksi Shahab Perdana, Mergong, Alor Setar. Beliau bercadang untuk menyewa bangunan kedai tersebut untuk dijadikan pejabat syarikat. Bangunan kedai yang terletak berhampiran kompleks perhentian bas dan teksi cukup sibuk pada waktu siang, ini kerana ia menjadi tempat tumpuan orang ramai untuk menaiki kenderaan awam bagi menuju destinasi yang diinginkan. Tempat yang terletak lebih kurang 3 km dari ibu negeri Kedah (Alor Setar) memudahkan lagi syarikat beliau untuk memperolehi pelanggan. Perjalanan yang mengambil masa lebih kurang 2 jam untuk ke Pulau Pinang dan 1 jam untuk ke Perlis telah memberi peluang kepada Syarikat Smart Access untuk menjadi pengedar utama Smart Card di bahagian Utara Semenanjung Malaysia. Rakan-rakan kongsi Bakri yang pernah bekerja sebagai eksekutif di beberapa syarikat swasta sudah tentu mempunyai ramai kenalan.

Masing-masing mempunyai kereta dan beliau sendiri mempunyai van Nissan Vannete kecualilah Azura yang masih tidak memerlukan kenderaan lagi.

Dua minggu lagi masa diambil untuk menunggu jawapan dari Syarikat Multi Millenium Card. Dalam pada itu Bakri menghabiskan masa menyediakan kertas kerja untuk tujuan pinjaman bank andainya permohonan beliau itu nanti diterima.

Masa yang ditunggu-tunggu oleh Bakri tiba, apabila satu pagi beliau menerima panggilan daripada Syarikat Multi Millenium Card yang meminta beliau untuk datang bersama rakan kongsi yang lain untuk menandatangani kontrak yang bakal dibuat. Setelah kontrak ditandatangani dan persetujuan dicapai maka “Smart Access Technology” dengan rasminya telah diterima sebagai pengedar utama Smart Card yang dikeluarkan oleh Syarikat Multi Millenium Card yang beribu pejabat di Pulau Pinang bagi zon utara.

Setelah rundingan dibuat di kalangan ahli kongsi dan mendapat persetujuan dari syarikat pengeluar utama , mereka telah memutuskan untuk melantik saudara Ibni Bakri b. Abu Bakar sebagai Pengurus Besar merangkap Pengurus Pentadbiran , Azwanizam b. Abd. Wahab sebagai Pengurus Pemasaran . Saudari Mazlina Mohd Zain sebagai Pengurus Operasi dan Cik Noor Azura sebagai Pengurus kewangan ini memandangkan beliau mempunyai pendidikan tambahan dalam bidang akaun dan kewangan setelah mengikuti kursus LCCI dan CIMA di kolej swasta pada satu masa dulu.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Penghargaan	1-2
Muqaddimah	3
Pengenalan kepada Rancangan Perniagaan	4-6
Latar belakang Rakan Kongsi	7-10
Syarat-syarat Perkongsian	11-13
Logo	14-15
Rancangan Pentadbiran	
❖ Pengenalan Pentadbiran	16-17
❖ Carta Organisasi	18
❖ Tenaga Kerja	19
❖ Senarai Jawatan dan Huraian Tugas	20-23
❖ Imbuhan Balas Jasa	24-26
❖ Perbelanjaan Pentadbiran	29
❖ Pelan Susur Atur Pejabat Pentadbiran	30
Rancangan Pemasaran	
❖ Pengenalan Produk	31
❖ Pasaran Sasaran	32-33
❖ Saiz Pasaran	34
❖ Pesaing	35-37